

JANUARI 2025

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

E - B U L E T I N



AMANAT PUU UMS SEMPENA TAHUN BARU 2025

“Sentiasa amalkan tadbir urus baik agar tugas yang dilaksanakan lebih efisien dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan terbaik kepada pelanggan dan pemegang taruh Universiti.”

~ Awang Suhaizam Bungso,
Penasihat Undang-Undang UMS

MENINGKATKAN INTEGRITI, PERKHIDMATAN, KEMAHIRAN DAN KERJASAMA PASUKAN

PUU menyatakan kepentingan kerjasama dan semangat berpasukan kepada warga PPUU agar matlamat yang ditetapkan dapat dicapai bersama.

“Semua kakitangan PPUU juga disarankan untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui latihan dan pendidikan berterusan.”

Fokus kepada pelanggan perlu ditingkatkan untuk penyampaian perkhidmatan selaras dengan *shared value* PPUU: Kebolehpercayaan, Profesionalisme dan Hormat.

PUU UMS dalam ucapannya,

“Semua kakitangan diingatkan untuk menjaga integriti dalam setiap tindakan dan keputusan. Ini termasuk mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.”

Bacaan Ikrar Integriti Malaysia yang diketuai oleh Encik Muhmmad Azhar bin Abdullah, Pegawai Undang-Undang Hospital UMS




Retreat PPUU :

Mengimbas Pencapaian 2024 dan Merancang Masa Depan Cemerlang

Pelaksanaan Retreat PPUU menjadi platform strategik untuk mengulas pencapaian sepanjang tahun 2024 dan merangka pelan perancangan tahun 2025.

PPUU UMS memberikan penekanan terhadap, **“Mulakan perancangan tahunan dengan konsep Plan, Do, Check, Action (PDCA) bagi semua Key Performance Indicator (KPI) yang ditetapkan.”**

Komitmen berterusan diberikan untuk memperkukuh peranan sebagai tunjang sokongan undang-undang Universiti.



Prosiding Tatatertib Pelajar

Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar telah bersidang pada 21 Januari 2025 bagi meneliti dan mempertimbangkan 8 Kes Tatatertib Pelajar.

Kesemua pelajar telah didapati bersalah dan dikenakan hukuman yang bersesuaian.

Oleh Hadijah Engson



Kursus Teknik Siasatan Dalaman

Seramai ** kakitangan UMS telah menyertai Kursus Teknik Siasatan Dalaman pada 21 hingga 22 Januari 2025 di Galeri Majlis, Bangunan Canselori anjuran PPUU dan BKePT. Semua yang terlibat memberikan komitmen tinggi menghadiri kursus tersebut.

Kursus ini disampaikan oleh Dr. Hj. Khairul Anuar bin Che Azmi, Penasihat Undang-Undang, Universiti Sains Malaysia.

Editorial : Maslina Saiba, Mohd Nazif Yaakub, Nur Sabrina Sabarun
Gambar : Mohd. Azami Talib, Farrah Hussain, PKK